

Rukun Negara dan Dilema Perpaduan: Satu Wacana Epistemologi

National Principle and the Dilemma of Unity: An Epistemological Discourse

KHARUNNA'IM RAMLI, AZMI AZIZ* & ARENA CHE KASIM

Received: 2-03-2025 /Accepted: 9-06-2026

ABSTRAK

Isu perpaduan di Malaysia kekal sebagai cabaran yang belum menemui penyelesaian tuntas. Walaupun negara telah mencapai lebih enam dekad kemerdekaan, usaha membina dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai bangsa, budaya, dan agama masih berdepan pelbagai rintangan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, melibatkan peruntukan masa, tenaga, dan sumber kewangan yang besar. Namun, perpaduan nasional masih kelihatan rapuh, apabila wujud bibit-bibit ketegangan yang boleh mencetuskan konflik antara kaum dan agama. Keadaan ini menjadi lebih genting apabila ia tidak ditangani sejak awal, ditambah pula dengan iklim politik yang sering tegang dan retorik yang membangkitkan rasa curiga serta perpecahan dalam kalangan rakyat. Rukun Negara, yang diterima sebagai ideologi kebangsaan, seharusnya menjadi panduan dalam mencapai perpaduan dan keharmonian. Prinsip pertama Rukun Negara, iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, diharap dapat menjadi faktor penyatuan masyarakat. Namun, persoalan timbul apabila prinsip ini dilihat gagal memainkan peranan utamanya dalam memperkukuh perpaduan nasional. Oleh itu, melalui metodologi kualitatif, artikel ini menganalisis Rukun Negara dari sudut epistemologi dan falsafahnya. Kajian ini juga meneliti sama ada wujud pertembungan epistemologi antara agama dan sekularisme dalam memahami Rukun Negara, yang akhirnya menyebabkan ia gagal dihayati secara menyeluruh dan sekadar menjadi simbol semata-mata. Perbincangan dalam kerangka pertembungan epistemologi ini diharap dapat memberikan pencerahan serta membimbing pemahaman yang lebih mendalam mengenai Rukun Negara dan realiti sebenar isu perpaduan di Malaysia.

Kata kunci: Sekularisme; epistemologi; liberalism; agama; perpaduan nasional

ABSTRACT

The issue of national unity in Malaysia remains an ongoing challenge without a definitive resolution. Despite more than six decades of independence, efforts to build and strengthen unity among the multiethnic, multicultural, and multireligious society continue to face various obstacles. Numerous initiatives have been implemented, involving significant investment of time, effort, and financial resources. However, national unity remains fragile, as tensions persist that could spark conflicts between ethnic and religious groups. This situation becomes more critical when left unaddressed, further exacerbated by a heated political climate where rhetoric often fuels suspicion and division among the people. The Rukun Negara, accepted as the national ideology, serves as a guiding principle for achieving unity and harmony. The first principle, Belief in God, is expected to be a unifying factor in society. However, concerns arise as this principle appears ineffective in strengthening national unity. Therefore, through a qualitative methodology, this article examines Rukun Negara from the perspective of its epistemology and philosophy. The study further explores whether an epistemological conflict between religion and secularism exists in the interpretation of Rukun Negara, leading to its failure to be fully internalised and rendering it a mere symbolic document. This discussion within the framework of epistemological conflict is expected to provide insights and deepen our understanding of Rukun Negara, while offering a more realistic view of national unity in Malaysia.

Keywords: Secularism; epistemology; liberalism; religion; national unity

PENGENALAN

Cerita tentang perpaduan adalah cerita yang tidak pernah tamat dan sentiasa terperangkap dalam sangkar dilema berpanjangan. Setiap hari dan pada setiap masa, sejak negara kita mencapai kemerdekaan, kerajaan telah melakukan pelbagai usaha dan langkah untuk merealisasikan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk negara ini. Namun, nikmat perpaduan ibarat mainan mimpi di siang hari dan fatamorgana yang menipu dengan harapan palsu. Kita ditakdirkan untuk hidup dalam sebuah masyarakat yang berbilang bangsa, budaya dan agama, saling berkongsi di antara satu sama lain. Meskipun berasal dari pelbagai agama, budaya dan bangsa. Saban hari ada sahaja isu-isu kaum, budaya, dan agama yang hangat timbul sehingga mengocak perpaduan kita. Usia, pengalaman, dan kematangan hidup belum cukup menjadi bekalan kita untuk menongkah cabaran hidup bersatu padu. Kita hanya mempunyai sebuah negara, mahu atau tidak, kita semua mesti bersatu padu. Gagal membina perpaduan, ertinya kita juga gagal membina negara bangsa yang diimpikan.

Shamsul (1996) menyatakan bahawa kepelbagaian kategori dan identiti etnik ini telah membina subur beberapa ‘bangsa idaman’ dalam kalangan masyarakat di Nusantara. Konsep *nation-of-intent* memberikan legitimasi kepada cita-cita politik setiap kelompok sosial, sama ada majoriti atau minoriti, mengabstrakkan ‘bangsa idaman’ masing-masing, biarpun kebanyakannya hanya tinggal sebagai imaginasi politik semata-mata. Nazir Razak (2021) juga menyuarakan kebimbangannya, dengan menyatakan bahawa walaupun dunia sudah melampaui abad ke-21, namun persoalan pembinaan negara bangsa masih berlegar dalam perbincangan para sarjana.

Sehubungan itu, artikel ini membincangkan Rukun Negara melalui perspektif epistemologi yang memberi kesan terhadap kefahaman sebenar Rukun Negara yang dijadikan sandaran dalam membina perpaduan. Tun Abdul Razak dalam Nazir Razak (2021) meluahkan bahawa rahsia kesempurnaan Rukun Negara kerangka pada amalannya. Tanpa pengamalannya, Rukun Negara menjadi sehelai kertas yang tiada makna. Demikian juga, Mohammad Ghazali Shafie (1978) dalam Nurul Huda et al. (2024) menyatakan bahawa, Rukun Negara merupakan panduan dan pegangan negara yang akan menyatukan rakyat dengan menyampaikan tanggapan, kepercayaan, dan keazaman rakyat Malaysia.

SOROTAN KAJIAN LITERATUR

Sorotan kajian mengenai Rukun Negara menunjukkan bahawa pelbagai pihak menyarankan agar Rukun Negara diperkasa untuk difahami, dihayati, dan diamalkan secara lebih berkesan. Beberapa sorotan kajian oleh penulis yang berkait rapat dengan tahap kefahaman masyarakat terhadap Rukun Negara, yang merupakan ideologi negara dan alat perpaduan sebagaimana yang dihasratkan oleh kerajaan. Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, menyatakan bahawa Kementerian Perpaduan Negara (KPN) sedang meneliti cadangan menjadikan Rukun Negara sebagai mukadimah Perlembagaan Persekutuan (Bernama, 2024). Selain itu, pendidikan Rukun Negara juga dicadangkan untuk diserap dalam kurikulum sekolah bagi memperkukuhkan perpaduan rakyat (Umayathi, 2020).

Kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia mendapati 88% daripada 1,000 responden memahami konsep Rukun Negara, namun penghayatan dan amalan dalam kehidupan seharian masih rendah (Noraini Tahir, 2020). Insiden seperti tidak menghormati Jata Negara dan Jalur Gemilang mencerminkan kurangnya semangat kenegaraan. Penggunaan bahasa Melayu

sebagai bahasa pengantar di sekolah dilihat penting untuk integrasi nasional, mengelakkan konflik perkauman seperti 13 Mei 1969 (Rosfazira, 2024).

Dalam konteks pendidikan tahfiz, teknologi pendidikan masih kurang diterokai (Muhammad Ikram & Noornajihan, 2024). Masalah kelunturan jati diri juga dibuktikan melalui 10,000 aduan kepada Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) berkaitan penghinaan terhadap Islam di media sosial (Mohd Erfino & Norhisham, 2022). Fahaman liberalisme yang menekankan kebebasan dan kesaksamaan turut memberi cabaran kepada jati diri masyarakat (Ibrahim & Mohamad Kamil, 2024).

Keteguhan jati diri rakyat penting untuk kestabilan politik, ekonomi, dan sosial negara (Norfiza et al., 2022). Dalam masyarakat majmuk Malaysia, identiti etnik dan perspektif kaum mempengaruhi isu hak individu (Nur Farhana et al., 2020). Prinsip kepercayaan kepada agama pula dianggap sebagai faktor penentu dalam proses perpaduan nasional (Ayu Nor Azilah et al., 2021; Shamsul, 2012). Kajian di Politeknik Ungku Omar menunjukkan bahawa prinsip Rukun Negara masih relevan dalam pembinaan bangsa (Nurul Huda et al., 2024). Sementara itu, kajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengukur tahap pemahaman mahasiswa terhadap institusi raja-raja Melayu, yang merupakan elemen penting dalam Rukun Negara (Norhafiza et al., 2024). Walaupun penghayatan pelajar sekolah menengah di Sabah dan Sarawak masih rendah, tahap kesedaran pelajar IPT berada pada tahap sangat tinggi (Siti Nor Zakiah et al. 2024; Ayu Nor Azilah et al., 2021).

Ideologi berasaskan Rukun Negara dianggap mampu membentuk masyarakat bersatu padu, namun kesedaran rakyat mungkin bersifat bermusim (Mohd Sobhi & Azizah, 2021). Penggunaan internet dilihat sebagai peluang untuk memperkasakan penghayatan Rukun Negara. Namun, prinsip kesetiaan kepada Negara didapati berada pada tahap yang rendah (Siti Nor Zakiah et al., 2024).

Penulis merujuk kepada Ebrahimi et al. (2024) melalui tulisan *Unity In Diverse Society of Malaysia* yang menekankan kepentingan metodologi kerangka institusionalisme sejarah dalam mengkaji pembentukan identiti bumiputera Muslim dalam kalangan orang Melayu serta menganalisis respons masyarakat terhadap dasar kerajaan. Sementara itu, Lina dan Zaleha (2021) memperkenalkan konsep *super diversity* dalam membincangkan kepelbagaian masyarakat Malaysia. Mereka menggariskan cabaran memperkukuh kesepaduan sosial dalam masyarakat *super diversity* yang melangkaui dimensi multi-etnik, multi-agama, dan multi-budaya, melibatkan pelbagai kategori manusia merentasi aspek gender, populasi orang kurang upaya, orientasi seksual, pekerjaan, politik, pendidikan, sosioekonomi, dan lain-lain.

Muhamad Zuhaili (2023) pula membincangkan isu dan cabaran perpaduan nasional berteraskan Melayu-Islam di Malaysia berdasarkan realiti semasa. Dalam konteks toleransi agama, Nur Farhana et al. (2020) menegaskan kepentingan memahami agama lain sebagai asas kepada keharmonian antara penganut agama di Malaysia. Riki et al. (2023) mengukur harapan dan realiti kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia, memberikan tumpuan kepada aspirasi dan keinginan rakyat dalam mewujudkan keharmonian antara kaum.

Nurul Huda et al. (2024) menilai tahap kefahaman mahasiswa Politeknik Ungku Omar mengenai Rukun Negara, dengan tujuan memberi gambaran tentang kefahaman mahasiswa di peringkat pengajian tinggi terhadap prinsip tersebut. Noor‘Ashikin et al. (2021) dalam *Rukun Negara as a Preamble to Malaysian Constitution* pula menyatakan bahawa Rukun Negara bertujuan menyemai nilai-nilai murni seperti kepercayaan kepada Tuhan, kesetiaan kepada raja dan negara, memelihara Perlembagaan, mematuhi undang-undang, serta membentuk adab dalam kalangan rakyat.

Mohamed Ali et al. (2021) menganalisis peranan mahasiswa dalam memastikan Rukun Negara kekal relevan sebagai medium pembinaan bangsa. Osman Bakar (1997) melalui tulisannya *Agama dan Budaya Teras Masyarakat Madani* memperkenalkan konsep masyarakat Madani yang berteraskan agama, sejajar dengan gagasan YAB Perdana Menteri, serta memenuhi prinsip-prinsip Rukun Negara.

Dalam aspek ketaatan kepada Raja Berpelembagaan, Muhammad Syazwan et al. (2024) menegaskan peranan institusi Raja dalam melindungi agama Islam sebagai agama rasmi serta menjamin hak-hak agama lain, sekali gus menyumbang kepada kestabilan sosial. Omar Sarif et al. (2023) dalam kajian *Public Awareness of The Constitutional Monarchy Among Society In Kota Kinabalu, Sabah* mendapati tahap kesedaran masyarakat terhadap sistem Raja Berpelembagaan, peranan Yang di-Pertuan Agong, dan Majlis Raja-Raja masih memerlukan peningkatan.

Harding dan Kumarasingham (2023) melalui *The Malay Monarchies in Constitutional and Social Conception to Examine Malaysia's* menekankan bahawa sembilan institusi beraja di Malaysia melaksanakan fungsi yang melebihi peranan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Norazlina et al. (2024) dalam *The Malaysian Monarchy System: A Review of the Literature* mencadangkan agar Malaysia membangunkan model Raja Berpelembagaan yang mengintegrasikan nilai, budaya, dan identiti pelbagai kaum tempatan.

Akhir sekali, Safa Amalia et al. (2020) membincangkan semangat cinta tanah air pada era 4.0 yang dikaitkan dengan pemahaman Rukun Negara sebagai asas pembentukan sikap patriotisme. Mohamad Hilmi dan Ahmad Mohamad (2022) turut menekankan Rukun Negara sebagai landasan utama dalam kehidupan bermasyarakat dan penyemaian nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat Malaysia.

Penulis lain seperti Osman Bakar (1997) dan Noor'Ashikin et al. (2021) menghuraikan konsep masyarakat Madani dan peranan Rukun Negara sebagai mukadimah Perlembagaan Malaysia. Kajian oleh Muhammad Syazwan et al. (2024) dan Omar Sarif et al. (2023) pula membincangkan peranan institusi raja dalam menjaga kestabilan sosial dan agama. Dalam konteks falsafah, Khalif (2018) dan Azmi Aziz (2016) menegaskan keperluan menilai ideologi liberalisme melalui kaca mata Islam untuk mengelakkan masyarakat kehilangan identiti diri dan akidah. Penulis berpendapat, kajian-kajian terdahulu masih relevan sebagai garis masa untuk memahami peranan Rukun Negara sebagai ideologi negara dalam membina perpaduan rakyat Malaysia.

METODOLOGI

Penulis menggunakan pendekatan kualitatif yang memberi fokus untuk menganalisis sumber sekunder sebagai tinjauan awal. Tumpuan utama adalah terhadap penggunaan dokumen yang relevan dan merupakan sumber awalan kepada kajian ini. Rujukan dan penelitian awal dilakukan terhadap bahan-bahan bercetak seperti buku, artikel, jurnal, brosur, buletin, garis panduan dan dasar kementerian (Ayu Nor Azilah et al., 2021). Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis tema dan analisis perbandingan (Mohd Khairil & Wan Fariza, 2024).

Metodologi kualitatif menekankan pentingnya memahami pengalaman manusia dan budaya secara naratif serta reflektif (Denzin & Lincoln, 2013). Pendekatan kualitatif, sebagaimana dijelaskan oleh Patton (2014), memberikan perspektif menyeluruh untuk memahami bagaimana sesuatu kejadian ditafsirkan. Artikel ini bertujuan untuk menggali pertembungan epistemologi agama dan sekularisme dalam Rukun Negara, dengan menganalisis aliran-aliran epistemologi

yang terkandung di dalamnya sebagai langkah awal untuk memahami isu ini secara lebih mendalam.

Penulis turut membincangkan topik ini melalui perspektif epistemologi antara agama dan sekularisme, sebagaimana yang dijelaskan oleh Huntington (1996) melalui bukunya, yang bertajuk *The Clash of Civilization and the Remaking of World Order*. Agama dan sekularisme mempunyai identiti yang sangat berbeza dan membentuk karakter tertentu dalam masyarakat. Agama dan sekularisme membina identiti masyarakat berasaskan asas epistemologi yang berbeza. Agama berteraskan wahyu dengan orientasi ketuhanan (*theocentric*) yang mengekalkan tujuan hidup kepada keredaan Tuhan serta membentuk identiti yang berasaskan nilai tetap (al-Attas, 1993).

Sebaliknya, sekularisme mengangkat manusia sebagai pusat rujukan (*anthropocentric*), lalu melahirkan identiti yang cenderung individualistik, materialistik dan kompetitif, serta bersifat cair dan berubah-ubah akibat ketiadaan nilai mutlak, sebagaimana dihuraikan dalam konsep "*liquid modernity*" (Bauman, 2000). Dari sudut epistemologi, perbincangan tertumpu kepada bagaimana kita mengetahui apa yang kita tahu, yang seterusnya melahirkan ilmu pengetahuan (Scott & Marshall, 2009).

Sehubungan itu, penulis menganalisis pertembungan antara epistemologi agama dan epistemologi sekular dalam Rukun Negara serta kesannya terhadap pemahaman dan penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara. Selain itu, penggunaan metodologi falsafah berdasarkan pandangan Azmi Aziz (2016) yang membantu mengenal pasti perbezaan dari segi epistemologi, ontologi, dan metodologi dalam isu yang dibincangkan ini.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Artikel ini bertujuan untuk membincangkan isu perpaduan yang masih menjadi dilema berpanjangan daripada perspektif pertembungan epistemologi dan falsafah Rukun Negara. Perbincangan dalam artikel ini diharap dapat membantu menjawab persoalan, samada kegagalan dalam memahami Rukun Negara menyebabkan ia tidak berfungsi sebagai alat utama untuk menegakkan perpaduan.

Sejarah negara menunjukkan bahawa siri ketegangan dan rusuhan antara kaum sejak awal kemerdekaan telah mengancam perpaduan nasional. Selepas 55 tahun merdeka, hubungan antara etnik utama masih kekal pada status quo yang diwarisi sebelum pembentukan Malaysia moden. Sebagaimana yang dilaporkan dalam Laporan MAGERAN tahun 1969, setahun sebelum kemerdekaan pada 1956, kekacauan berlaku di Pulau Pinang semasa perayaan pemberian taraf Bandaraya kepada Georgetown oleh British, yang mencetuskan ketegangan ekoran khabar angin wujudnya halangan oleh orang Melayu, dan sekali lagi ketegangan berlaku di Pulau Pinang pada tahun 1967, dikenali sebagai Peristiwa Hartal, protes yang tercetus akibat bantahan terhadap dasar ekonomi kerajaan, khususnya kenaikan harga dan isu bahasa, yang juga membawa kepada ketegangan kaum (soscili.my, 2016).

Kekacauan juga berlaku di Pangkor pada 1 Mei 1959 akibat pergaduhan individu Melayu dan Cina di Sungai Pinang. Konflik melarat menjadi rusuhan kaum, namun berjaya dikawal oleh polis. Ketegangan juga terjadi di Bukit Mertajam pada 11 Julai 1964, pergaduhan di pasar antara individu Melayu dan Cina mencetuskan rusuhan kaum, merupakan rentetan siri kekacauan yang membawa kepada pengenalan Rukun Negara oleh kerajaan. (Nurul Huda et al. 2024; Noor'Ashikin et al., 2021)

Eddin Khoo (2020) dalam Nurul Huda et al. (2024) menjelaskan terdapat banyak percanggahan di dalam usaha untuk mewujudkan Rukun Negara, terutamanya apabila Tanah Melayu semakin hampir kepada kemerdekaan. Di tahap literasi, pemahaman dan penghayatan rakyat Malaysia terhadap lima prinsip Rukun Negara semakin dipersoalkan, khususnya dalam konteks kebebasan bersuara di media sosial yang berkembang tanpa batas epistemologi yang jelas, sehingga menimbulkan kekeliruan dalam memahami dan mengamalkan nilai yang terkandung di dalamnya (Mohamed Ali et al., 2021 dalam Nurul Huda et al., 2024). Situasi ini bukan sahaja membuka ruang kepada penyalahgunaan kebebasan, tetapi turut mencabar keupayaan masyarakat dalam menangani isu sensitif berkaitan etnik, menghormati institusi kerajaan, serta mengekalkan adab dalam wacana awam.

Pada awal pelancarannya, Rukun Negara mendapat sambutan yang meluas dan diwajibkan di sekolah, agensi kerajaan, dan digalakkan dalam ruang awam. Murid-murid sekolah, misalnya, perlu membaca Rukun Negara setiap hari semasa perhimpunan, manakala teks Rukun Negara dicetak dalam buku kerja dan digantung di lokasi strategik di tempat kerja serta pejabat (Nazir Razak, 2021).

Justeru, setelah lebih daripada 60 tahun Rukun Negara diisytiharkan, adakah Rukun Negara masih mampu bertahan dan relevan sebagai panduan dalam usaha memupuk perpaduan? Perilaku dan tindakan segelintir pihak yang sering mencetuskan ketegangan dengan menyentuh isu sensitif agama dan kaum menimbulkan banyak keraguan. Justeru, adakah wujud faktor kefahaman secara epistemologi dalam memahami Rukun Negara?

KONFLIK PERPADUAN

Negara ini telah melalui sekurang-kurangnya tiga kerangka era konflik perpaduan (Shamsul 2005). Yang pertama, Era Konflik (1945-1960) sebuah era yang cukup kritikal daripada semua segi, terutamanya dalam meletakkan asas Pembentukan *The Malaysian State* atau negara Malaysia. Kedua, Era Stabil tapi Tegang (1961-1970) di mana asas dan struktur rangka kesepaduan sosial yang lebih mantap terbina akibat trauma nasional selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969, yang pada umumnya stabil dan aman tetapi tersentak tegang. Ketiga, kerangka Era Kesepaduan Sosial (1971-2011), suasana terus aman, stabil dan harmoni setelah lebih 40 tahun telah berlalu selepas tragedi rusuhan etnik 13 Mei 1969, kecuali selama lima hari dari 4 hingga 8 Mac 2001, bila berlakunya rusuhan etnik Melayu-India di Kampung Medan, Selangor. Tragedi ini mengingatkan rakyat Malaysia bahawa bukan sahaja faktor politik tetapi faktor ekonomi, seperti kesukaran hidup dan persaingan untuk *survival* boleh mencetuskan pergeseran etnik, khususnya di kalangan anggota kelas bawahan (Shamsul, 2011).

Bukan itu sahaja, bahkan perhubungan antara kumpulan etnik biasanya menjadi renggang dan tegang apabila perasaan perkauman diperalatkan oleh sesuatu golongan tertentu untuk menyatupadukan anggota kumpulan etniknya bagi mencapai tujuan tertentu samada dari sudut politik atau ekonomi. Sejarah menunjukkan apabila agenda perpaduan gagal dicapai maka mencetuskan hubungan yang tegang seterusnya negara menjadi tidak stabil dan berlaku kekacauan yang menggugat keamanan (Muhamad Zuhaili, 2023).

Hari ini kita masih dapat menyaksikan bagaimana ada pihak-pihak yang dengan sengaja menyentuh isu-isu dan sensitiviti kaum, agama, dan budaya yang menggegarkan perpaduan kita. Hari ini kita tidak lagi merasa takut dengan sengaja membuat provokasi dengan hasrat menimbulkan suasana tidak tenang (Nor Azizah Mokhtar, 2024). Isu membabitkan bangsa, agama,

dan raja atau 3R (*Race, Religion, and Royalty*) meningkat 123 peratus (Latifah Arifin, 2024). Manakala kempen perangi ucapan kebencian yang perlu melibatkan dan merangkumi semua kaum (Suraya Ali, 2024).

Apa yang sebenarnya sedang berlaku? Penulis berpendapat bahawa kita tidak berinteraksi sesama kita melalui satu kefahaman yang sama. Semua orang berfikir dan bercakap mengikut kerangka masing-masing tanpa berusaha untuk memahami perbezaan yang sedang mereka hadapi. Maka, demikian juga dengan Rukun Negara. Bagaimana kita memahaminya? Adakah kita memahaminya sebagaimana yang diajar oleh agama (epistemologi agama) atau kita memahami berasaskan kerangka epistemologi modenisasi?

Modenisasi, dalam sosiologi, merujuk kepada proses transformasi daripada masyarakat tradisional, luar bandar dan berasaskan pertanian kepada masyarakat sekular, bandar dan berasaskan perindustrian. Masyarakat moden ialah masyarakat perindustrian. Untuk memodenkan sesuatu masyarakat ialah, pertama sekali, mengindustrikannya. Dari sudut sejarah, kemunculan masyarakat moden tidak dapat dipisahkan daripada kemunculan masyarakat perindustrian. (Britannica, 2026).

Seperti yang diujulkan oleh Moore (1963, hlm. 91-92) dalam Abdul Rahman (2005), modenisasi merupakan suatu proses transformasi menyeluruh daripada masyarakat tradisional atau pra-moden kepada bentuk masyarakat yang dicirikan oleh kemajuan teknologi, organisasi sosial yang kompleks serta pengukuhan struktur industri. Proses ini bukan sekadar perubahan material, bahkan turut membentuk asas baharu dalam susunan sosial, ekonomi dan politik negara sehingga melahirkan masyarakat yang maju, makmur dan relatif stabil dalam kerangka perindustrian. Namun demikian, asas perindustrian yang menjadi teras modenisasi ini tidak hadir secara neutral dari sudut nilai. Fox (2002) menegaskan bahawa dalam arus modenisasi, autoriti tradisi dan agama yang sebelum ini mendasari kehidupan masyarakat mula dipinggirkan daripada ruang awam, lalu digantikan dengan rasionaliti instrumental, pengalaman empirikal dan kehendak manusia sebagai asas penentuan kebenaran dan nilai. Dalam konteks negara yang berasaskan agama, pergeseran ini menimbulkan suatu ketegangan epistemologi yang mendalam, khususnya apabila prinsip-prinsip asas kenegaraan yang menegaskan kepercayaan kepada Tuhan cuba difahami dalam kerangka moden yang cenderung memisahkan agama daripada urusan pentadbiran dan dasar awam.

Ketegangan ini menjadi semakin signifikan apabila dilihat melalui kritikan Bauman (2000) terhadap modeniti. Beliau berhujah bahawa modeniti yang lahir daripada modenisasi bersifat 'cair' (*liquid*), iaitu rapuh, tidak stabil dan sentiasa berubah tanpa kesudahan. Sifat kecairan ini bukan sahaja merujuk kepada struktur sosial, tetapi juga melibatkan sistem nilai yang menjadi semakin relatif dan tidak tetap. Dalam keadaan ini, usaha untuk mengekalkan agama sebagai asas rujukan dalam negara berhadapan dengan cabaran yang bersifat struktural dan berterusan, kerana kerangka moden itu sendiri sentiasa menghakis keutuhan nilai yang bersifat mutlak.

Sehubungan itu, pertembungan antara agama dan modenisasi tidak boleh difahami secara literal atau luaran semata-mata, tetapi perlu diteliti sebagai konflik epistemologi yang tersembunyi dalam pembentukan dasar, institusi dan kefahaman masyarakat. Dalam konteks ini, penghayatan terhadap prinsip-prinsip kenegaraan seperti Rukun Negara memerlukan pembacaan yang lebih mendalam dan kritikal, agar tidak sekadar menjadi retorik normatif, sebaliknya berfungsi sebagai asas sebenar dalam menstrukturkan semula hubungan antara agama, negara dan realiti moden yang sentiasa berubah.

TEKS RUKUN NEGARA

Bahagian pertama teks Rukun Negara menjelaskan objektif masyarakat Malaysia untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat, memelihara satu cara hidup demokratik, serta mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama. Selain itu, Rukun Negara juga berhasrat membentuk sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan pelbagai corak, serta membina sebuah masyarakat progresif yang menggunakan sains dan teknologi moden.

Sementara itu, bahagian kedua Rukun Negara menggariskan Lima Prinsip Rukun Negara, iaitu; Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang, dan Kesopanan dan Kesusilaan. Rukun Negara berfungsi sebagai ideologi negara yang menjadi panduan masyarakat dalam membina kekuatan dan perpaduan nasional. Menurut Rokeach dalam Taylor (1991) seperti yang dipetik oleh Fox (2002), ideologi ditakrifkan sebagai "organisasi kepercayaan dan sikap yang dibina secara organisasi, samada bersifat keagamaan, politik, atau falsafah, yang diinstitusikan atau dikongsi dengan orang lain, dan berasal daripada autoriti luaran." Rangka kerja kepercayaan, atau sistem kepercayaan, atau "organisasi kepercayaan dan sikap" ini mempunyai kaitan langsung dengan institusi rasmi negara. Penulis berpendapat bahawa teks Rukun Negara merupakan suatu teks ideologi yang mengikat dua epistemologi yang secara sedar atau tidak, 'terperangkap' dalam falsafah dan aspirasi Rukun Negara sejak dari awal lagi. Kedua-dua epistemologi tersebut ialah epistemologi agama dan epistemologi sekularisme, yang dapat dilihat melalui pemilihan istilah dalam teks tersebut. Contohnya, frasa "Kepercayaan kepada Tuhan" berasaskan epistemologi agama, manakala ungkapan "cita-cita melahirkan sebuah masyarakat yang liberal" mencerminkan pengaruh epistemologi sekularisme

Hal ini kerana dalam tradisi pemikiran liberal, kebebasan individu menjadi asas utama dalam menentukan nilai dan tindakan. Thomas Hobhouse (1964), sebagai antara pelopor pemikiran moden, mentakrifkan kebebasan sebagai ketiadaan halangan terhadap tindakan individu (*liberty... is the absence of external impediments*), serta menegaskan hak individu untuk menggunakan keupayaan dirinya demi kelangsungan hidup. Perkembangan ini kemudiannya diperkukuhkan dalam tradisi liberal moden yang menekankan penghormatan terhadap autonomi individu, penolakan terhadap dominasi autoriti, serta pembentukan susunan sosial tanpa bergantung kepada sumber nilai yang mutlak (Fawcett, 2014).

Dalam kerangka ini, kebebasan tidak lagi difahami sebagai kemampuan untuk mencapai kebenaran, tetapi sebagai perlindungan daripada campur tangan luar, sekali gus meletakkan manusia sebagai sumber utama dalam penentuan norma sosial. Peralihan ini mencerminkan asas sekularisme yang memisahkan nilai daripada sumber wahyu dan mentransformasikan manusia sebagai penentu makna. Sepertimana diujahkan oleh al-Attas (1993), kebebasan mutlak dan penumpuan kepada individu sebagai pusat nilai merupakan natijah langsung daripada sekularisasi pemikiran, yang akhirnya melahirkan faham individualisme sebagai buah epistemologi sekular itu sendiri.

Justeru, konsep "masyarakat liberal" bukan sekadar merujuk kepada keterbukaan terhadap kepelbagaian budaya, tetapi turut mengandungi asas epistemologi yang berpusat kepada manusia dan rasionaliti, yang sebahagiannya berkembang seiring dengan gagasan sekularisme yang memisahkan autoriti agama daripada urusan awam (Fox 2002).

Epistemologi merujuk kepada ilmu pengetahuan tentang ilmu, iaitu cara kita mengetahui sesuatu (*how you know what you know*), yang merupakan salah satu cabang falsafah yang membantu memahami asal usul dan makna sesuatu istilah (Scott & Marshall, 2009).

RUKUN NEGARA DAN FALSAFAH SEKULARISME

Azmi Aziz (2016) menjelaskan, berdasarkan kenyataan sejarah, jelaslah kepada kita bahawa British merupakan "tuan" yang mencorakkan segenap ruang kehidupan kita semenjak ketukan pertama mereka di pintu rumah kita pada tahun 1776 di Pulau Pinang, diikuti Singapura 1824 dan Perak pada 1874.

Semenjak itu, British 'bersultan di mata, beraja di hati' bersama "buah tangan" yang dibawa dan dihulurkan oleh British kepada kita. Buah tangan yang wajib pula kita terima! Ternyata buah tangan tersebut amat tinggi nilainya dan amat besar maknanya kepada kehidupan masyarakat Malaysia sehingga Malaysia telah merdeka lebih 60 tahun pada hari ini. Buah tangan tersebut ialah sebuah falsafah kehidupan bernama sekularisme (Azmi Aziz, 2016).

Falsafah ini meresap masuk menguasai kehidupan kita dalam segenap aspek agama, sosial, politik, dan ekonomi. Keempat-empat tiang seri kehidupan manusia tersebut tidak terlepas daripada terjah, terkaman, dan tusukan sekularisme. Menurut Said (1994) dalam Azmi Aziz (2016), imperialisme budaya merupakan bahagian yang paling bahaya daripada isi keseluruhan sebuah penjajahan. Ini kerana berbanding penjajahan fizikal dan material, penjajahan budaya merupakan penjajahan akal fikiran yang seterusnya mencorakkan kehidupan sesebuah masyarakat. Al-Attas (1993) menjelaskan bahawa sekularisme menekankan pemisahan agama daripada kehidupan, seperti yang diungkapkan oleh Max Weber: *Disenchantment of nature* ialah membebaskan alam daripada unsur mistik, kerohanian, dan agama. *Desacralization of politics* iaitu melihat kuasa politik sebagai sesuatu yang sekular, terbuka kepada konflik dan persaingan yang menghapuskan nilai moral, adab, dan kesucian daripada kehidupan manusia. *Deconsecration of values* ialah menghapuskan nilai moral, adab, dan kesucian dalam kehidupan manusia.

Menurut Qaradawi dalam M.Syukri (2015), modenisasi membawa maksud manusia perlu hidup selaras dengan zamannya, baik dari segi pemikiran, sikap, nilai, perilaku, mahupun pandangan hidup. Definisi ini sejajar dengan pengertian sekularisme seperti yang dijelaskan oleh al-Attas (1993), yang mengandungi dua makna utama: waktu (masa kini) dan tempat (duniawi). Modenisasi pula merujuk kepada perubahan sosial yang terhad kepada pembangunan industri dan kemajuan material semata-mata (P.W Preston 1996). Dalam sosiologi, ia membawa maksud transformasi daripada masyarakat tradisional berasaskan pertanian kepada masyarakat bandar berasaskan industri (Britannica.com 2026)

Penulis berpendapat, terdapat beberapa indikator yang menunjukkan Rukun Negara ideologi negara dibina berasaskan epistemologi sekularisme. Kaedah terbaik untuk mentadbir negara, pemimpin kita pada ketika itu (selepas merdeka) terpaksa kembali semula merujuk dan menjadikan Barat (British) sebagai "guru" yang mengajar kita bagaimana untuk mengurus, mentadbir dan membangunkan negara (Azmi Aziz, 2016). Situasi tersebut dilihat seolah-olah melengkapkan sebuah penjajahan bentuk baru tanpa kita sedari.

Nik Khusairie (2024) dalam tulisannya Masyarakat Madani Atau Masyarakat Sivil: Sebuah Wacana Epistemologi telah menyenaraikan pandangan dan penjelasan beberapa orang tokoh bahawa Malaysia adalah sebuah negara sekular yang selari dengan Abdul Rahman Embong (2002) yang menyebut:

Modern Western, and particularly British, colonialism had left a lasting impact on the Malay society and altered its historical trajectory. Although Islam is the state religion, there is the constitutional guarantee that Malaysia is a secular state, with freedom of religious worship.

Tew, Y. (2024) juga menjelaskan;

Malaysia is a federal constitutional monarchy with a Westminster model of government comprised of legislative, executive, and judicial branches..

Manakala berdasarkan Azmi Aziz & Shamsul (2004);

...in spite of being given a special position, for all intents and purposes, Islamic law is subordinate to the civil law.

Roff (1998) dalam Nik Khusairie (2024) pula menyatakan;

...Moslem law would have ended by becoming the law of Malaya had not the British stepped in to check it.

Tunku Abdul Rahman dalam Hishamudin (2020) dalam Jaafar (2024) pernah menyebut;

...i would like to make it clear that this country is not an Islamic state as it is generally understood, we merely provided that Islam shall be the official religion of the State.

Aziz (2002) dalam Malaysiakini telah melaporkan bahawa Salleh Abas berpandangan;

...at the moment, we live in a secular country. The Federal Constitution and the laws state clearly that we are living in a secular state.

Perkara ini turut diperjelaskan menerusi pandangan Tun Tengku Maimun dalam ucapan Perasmian Tahun Undang-undang 2023, anjuran Badan Penguam Malaysia (2023);

...at all times, it is the Federal Constitution that reigns supreme and judges are merely its faithful adherents and proponents who ensure that the Federal Constitution retains its supreme stature. Where any law or executive act contradicts the Federal Constitution, it is for judges, as the only interpreters of the Federal Constitution as dictated by constitutional design to act to enforce its terms.

Pengaruh sekularisme di negara ini bermula dengan kemasukan British secara beransur-ansur ke Tanah Melayu pada suku terakhir abad ke-19. Perubahan radikal diperkenalkan dalam pelbagai aspek kehidupan orang Melayu, termasuk sosial, perundangan, ekonomi, dan agama (Yegar, 1979). Perlembagaan Persekutuan, yang digubal sebagai kerangka rujukan tertinggi dalam perundangan dan perlembagaan negara, juga dipengaruhi oleh perlembagaan British.

Sebagaimana yang dijelaskan, falsafah sekularisme telah meresap ke dalam setiap aspek kehidupan masyarakat (Azmi Aziz, 2016). Oleh itu, tidak menghairankan jika asas agenda pembangunan negara turut bergerak berlandaskan idea dan falsafah moden sekular. Gerakan modenisasi, yang bermula sejak tahun 1930-an, adalah hasil daripada proses sekularisme. Mohd Khairil dan Wan Fariza (2024) menjelaskan dengan teliti bagaimana dua Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) melakukan perubahan dan pendekatan politik mereka bagi menyesuaikan diri dengan cabaran dan mengisi pembangunan negara yang dipandu oleh teori modenisasi dalam sebuah negara berteraskan amalan demokrasi ala *Westminster British System* (Tew, Y. 2024).

Dapatan ini turut disokong oleh keputusan Mahkamah Agung dalam kes *Che Omar bin Che Soh v Pendakwa Raya* pada tahun 1988, yang menegaskan bahawa kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan tidak menjadikan sistem perundangan negara berasaskan hukum syariah, sebaliknya difahami dalam konteks yang lebih terhad kepada aspek ritual dan simbolik. Dalam penghakiman tersebut, latar sejarah perundangan turut menunjukkan bahawa perkembangan undang-undang negara dipengaruhi oleh warisan kolonial British yang mengekalkan dominasi undang-undang sivil (Wan Jalil, 1988; Supreme Court of Malaysia, 1988)

Namun demikian, tafsiran ini tidak terlepas daripada perbahasan akademik, kerana menurut Wan Ahmad Fauzi et al. (2017), penggunaan kes ini sebagai asas untuk melabel sifat negara perlu dilihat secara lebih berhati-hati dalam konteks sejarah dan perlembagaan. Justeru, perbincangan ini bertujuan memberikan kefahaman terhadap realiti tersebut dari sudut epistemologi, khususnya dalam memahami bagaimana kerangka perundangan yang wujud mempengaruhi pembinaan nilai dan perpaduan masyarakat. Sistem pentadbiran yang bertunjangkan sekularisme memperjuangkan prinsip pemisahan antara agama dan negara yang dirujuk sebagai teori “*the separation of church and state*” (Azmi Aziz, 2016). Teori ini menjelaskan bahawa urusan agama tidak boleh ‘campur tangan’ dalam urusan pentadbiran negara dan sebaliknya. Auguste Comte (1798) dalam al-Attas (1993) menyatakan bahawa dengan kebangkitan sains moden bakal membuang agama, kepercayaan dan masyarakat akan berubah dari kehidupan primitif kepada kehidupan yang moden. (al-Attas, 1993). Ahli falsafah Jerman Friedrich Nietzsche (1844) juga menyatakan, bahawa di Barat, Tuhan telah mati dan dunia harus dibebaskan dari Tuhan (*no God*), tiada agama (*no religion*) (al-Attas, 1993).

RUKUN NEGARA: ISLAM DAN FALSAFAH LIBERALISME

Setelah kita menyelusur perbahasan topik ini dengan beberapa fakta dan petunjuk, maka kita akan dapati bahawa prinsip pertama Rukun Negara, iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, jelas menunjukkan pengiktirafan terhadap peranan agama dalam membentuk perpaduan dalam masyarakat. Prinsip pertama ini dipercayai dan diyakini bahawa mana-mana agama tidak mengajar penganutnya bermusuhan. Sebaliknya, agama sentiasa menanamkan nilai-nilai kemuliaan berteraskan ketaatan manusia kepada Tuhannya. Namun, ironinya, matlamat sebuah masyarakat yang liberal, demokratik, progresif, dan moden pula adalah hasil daripada epistemologi sekularisme yang meminggir dan mengesampingkan agama dan Tuhan. Di sinilah bermulanya titik pertembungan epistemologi (*clash*) antara agama dan sekularisme.

Sekularisme tidak mengiktiraf sama sekali kewujudan alam selepas kematian atau alam akhirat, seperti yang bahaskan oleh al-Attas (1993), dan sekularisme hanya “memandang” kehidupan manusia hanya terbatas kepada kehidupan di dunia ini sahaja, jauh sama sekali berbeza dengan nilai-nilai yang lahir dari agama yang bertujuan keredaan Tuhan dan mendapat balasan baik (pahala) dan ganjaran tertinggi ialah kebahagiaan hidup di dalam syurga. Matlamat yang sangat berbeza dengan nilai-nilai yang lahir dari falsafah sekularisme yang hanya terbatas di dunia sahaja bermatlamatkan keuntungan kebendaan yang bersifat sementara.

Justeru, persoalannya, bagaimana mungkin prinsip Kepercayaan kepada Tuhan dapat diterjemahkan dan difahami melalui kerangka teori sekularisme dan moden yang sentiasa “bermusuh” terhadap agama. Wacana moden sekular sentiasa mencetuskan pertembungan epistemologi yang boleh membawa kepada kekeliruan manusia dalam menentukan kebenaran,

sekali gus menjadi ilmu yang bermasalah menghasilkan kerusakan, bukan sahaja kepada manusia, tetapi juga kepada alam (al-Attas, 1993),

Sekiranya sekularisme meminggirkan aspek-aspek kepercayaan kepada Tuhan, agama, nilai, budaya, dan tradisi lama, bagaimana sewajarnya kita mengamalkan Rukun Negara, yang telah mengangkat konsep keseragaman, nilai-nilai mulia, dan akhlak. Tidakkah kita mengalami kesukaran dalam memahami, menghayati, dan mengamalkannya? Tidakkah pertembungan ini telah menyukarkan kita untuk memahami dan memberi penjelasan kepada masyarakat?

Di dalam Teks Rukun Negara ada disebutkan cita-cita masyarakat untuk melahirkan masyarakat bersatu padu yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat, memelihara satu cara hidup demokratik, mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama, membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak, dan membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden. Terdapat beberapa istilah yang pada hemat penulis perlu dilihat secara mendalam makna di sebalik setiap istilah itu. Hanya dengan memahami istilah-istilah tersebut kita dapat memahami apakah yang dimaksudkan oleh istilah-istilah tersebut. Istilah yang dimaksudkan ialah masyarakat demokrasi, masyarakat liberal, masyarakat progresif, sains dan teknologi dan masyarakat moden.

Terdapat konsep masyarakat liberal dalam Teks Rukun Negara yang memerlukan penjelasan dan penelitian. Konsep masyarakat liberal pula menurut R.G. Collingwood dalam Freedon (2015), liberalisme ialah kerangka tentang kebebasan manusia untuk bertindak tanpa paksaan:

“Liberalism begins with the recognition that men, do what we will, are free; that a man’s acts are his own, spring from his own personality, and cannot be coerced”

Bermaksud bahawa liberalisme bermula dengan pengakuan bahawa manusia bebas, walau apa pun yang kita lakukan, bahawa tindakan seseorang kerangka miliknya sendiri, berasal dari keperibadiannya sendiri, dan tidak boleh dipaksa Hobhouse (1964) dalam Freedon (2015) pula melihat bahawa liberalisme merupakan kerangka ciri khas dunia moden;

“Liberalism is an all- penetrating element of the life-structure of the modern world... Liberalism is the belief that society can safely be founded on this self-directing power of personality that is only on this foundation that a true community can be built”.

Definisi yang dikemukakan oleh Hobhouse (1964) ini merupakan kerangka definisi yang dipakai oleh golongan liberal humanism. Tidak dinafikan bahawa liberalisme dibangunkan untuk memelihara kepentingan manusia semata-mata yang sentiasa mengutamakan kebebasan dan anti-agama. Penulis meneliti pandangan Fawcett (2014) dalam membahaskan falsafah liberalisme dengan menyoroti empat idea utama yang menjadi tunjang liberalisme serta membezakannya dengan ideologi lain.

Pertama, Fawcett (2014) memperkenalkan konsep konflik yang tidak dapat dielakkan (*conflict's inescapability*), di mana beliau menegaskan bahawa masyarakat manusia secara semula jadi penuh dengan perbezaan pendapat, kepentingan, dan nilai-nilai. Perbezaan ini muncul daripada latar sejarah dan intelektual yang panjang, termasuk kesan peperangan agama seperti Perang Tiga Puluh Tahun (1618–1648), perubahan ekonomi hasil revolusi industri, dan transformasi sosial yang membawa kepada kemunculan pelbagai pandangan baharu dalam sains, falsafah, dan seni.

Kedua, prinsip ketidakpercayaan terhadap kekuasaan (*distrust of power*) dalam liberalisme. Fawcett (2014) menjelaskan bahawa prinsip ini berakar daripada dua sumber utama, iaitu kebijaksanaan lama tentang bahaya kekuasaan: Sejak zaman kuno, manusia menyedari bahawa kekuasaan yang tidak diawasi cenderung menjadi sewenang-wenang dan menindas kebebasan individu, dan pengurusan masyarakat yang kompleks, dengan menyatakan, dalam masyarakat moden, kekuasaan yang berpusat (*undivided authority*) tidak lagi efektif untuk mengurus perubahan sosial, ekonomi, dan politik. Justeru, liberalisme menekankan desentralisasi kuasa, pembahagian kuasa (*separation of powers*), dan mekanisme pengawasan (*checks and balances*). Ketiga, Fawcett (2014) mengangkat kepercayaan terhadap kemajuan manusia (*faith in human progress*) sebagai asas utama liberalisme. Beliau berhujah bahawa manusia secara semula jadi terdorong untuk memperbaiki kehidupan dan mengatasi cabaran. Sejarah mencatatkan bagaimana kebangkitan agama (*religious awakening*) dan semangat pencerahan (*Enlightenment zeal*) telah menyuburkan harapan terhadap kemampuan manusia untuk memperbaiki diri dan dunia melalui undang-undang dan peraturan yang lebih baik.

Keempat, penghormatan terhadap masyarakat (*civic respect*) merupakan prinsip teras liberalisme yang mengutamakan penghormatan terhadap setiap individu. Dalam konteks ini, undang-undang dan negara berperanan melindungi hak, martabat, dan kebebasan individu tanpa mengira latar belakang, pandangan, atau identiti mereka. Menurut Fawcett (2014), kepercayaan terhadap nilai intrinsik (*intrinsic worth*) setiap individu membentuk pandangan bahawa setiap orang layak dihormati, tanpa mengira status atau keyakinan mereka. Namun begitu, penulis mendapati terdapat percanggahan pendapat dalam kalangan pemikir liberal mengenai idea-idea besar liberalisme, yang mana Freedman (2015) mengemukakan lima teori lapisan tahap keduniaan (*five layered theories of the mundane*).

Dalam konteks Malaysia, penggunaan frasa "masyarakat liberal" dalam teks Rukun Negara (Khalif, 2018) bertujuan membentuk sikap keterbukaan masyarakat untuk menjamin perpaduan kaum dan budaya, dan tidak membawa maksud penerimaan liberalisme sebagai ideologi politik atau falsafah negara secara mutlak. Walau bagaimanapun, penulis berpendapat bahawa istilah *liberal* dalam Rukun Negara mungkin membawa makna dan maksud liberalisme Barat. Adalah lebih tepat jika frasa tersebut digantikan dengan ungkapan yang lebih jelas, seperti sebuah masyarakat yang menerima dan meraikan kepelbagaian tradisi kebudayaan dan agama, sambil memelihara kemaslahatan yang lebih besar, iaitu perpaduan nasional.

Penulis juga berpendapat, bahawa setiap perkataan mempunyai epistemologinya yang tersendiri. Epistemologi merupakan salah satu cabang falsafah bagaimana kita mengetahui apa yang kita tahu (Scott & Marshall 2009);

Liberalisme 'it attempts to ensure that individuals and groups can resist any authoritarian demands. The free exercise of religion, speech and association. The guidance of human beings by enlightened self-interest, rationality, and free choice and argue for the minimum intervention of the state in the lives of individuals

Liberalisme juga lahir daripada kerangka moden sekular sebagaimana yang dijelaskan oleh tokoh-tokoh yang dinyatakan di atas (Fawcett, 2014), (Hobhouse 1964) dan (Freedman, 2015). Penulis bersetuju dengan pandangan Khalif (2018) yang menegaskan, jika terdapat penolakan besar-besaran terhadap liberalisme di dunia Islam, maka apa yang diinginkan oleh umat Islam ialah '*islah*' kemerdekaan daripada kolonialisasi minda, bebas daripada cengkaman sekularisme dan liberalisme.

Kepercayaan kepada Tuhan merupakan suatu asas kepercayaan, pengetahuan, kefahaman dan penghayatan yang lahir daripada kehendak dan pengarahannya agama. Secara tidak langsung “keredaaan Tuhan” hendaklah menjadi matlamat utama Rukun Negara. Sedangkan, cita-cita melahirkan sebuah masyarakat yang liberal pula berasal dari falsafah moden sekular, sebagaimana dijelaskan di dalam Britannica;

“..Modernization, in sociology, the transformation from a traditional, rural, agrarian society to a secular, urban, industrial society. Modern society is industrial society. To modernize a society is, first of all, to industrialize it...”

“...secularism, a worldview or political principle that separates religion from other realms of human existence, often putting greater emphasis on nonreligious aspects of human life or, more specifically, separating religion from the political realm...”

Sekularisme dan modenisme pula bermaksud, gerakan transformasi kepada sesuatu yang baru dari kehidupan tradisional kepada perbandaran (urbanisasi), dan meninggalkan aspek tradisi seperti agama dan budaya (al-Attas 1993). Agama pula didefinisikan sebagai;

“..Religion, human beings’ relation to that which they regard as holy, sacred, absolute, spiritual, divine, or worthy of especial reverence. It is also commonly regarded as consisting of the way people deal with ultimate concerns about their lives and their fate after death...”

Falsafah di sebalik lima tahap ‘keduniaan’ liberalisme mampu merencatkan kefahaman dan penghayatan kepada keseluruhan prinsip Rukun Negara yang didokong oleh prinsip kepercayaan kepada Tuhan, ketaatan kepada Raja dan Negara, keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta kesopanan dan kesusilaan akan menjadi halangan kepada lima sifat keduniaan sebagaimana yang dinyatakan oleh Freedon (2015). Persoalannya bagaimanakah prinsip ketuhanan dapat diamalkan, dan dalam masa yang sama kita juga harus mendokong lima tahap “keduniaan” dalam menghayati Rukun Negara?

Justeru, sekiranya Rukun Negara difahami melalui epistemologi agama Islam, maka matlamat akhir Rukun Negara hendaklah bermatlamatkan kepada “reda” Tuhan (Allah SWT). Manakala ideologi bermatlamatkan mengisi kemahuan dan kepentingan organisasi serta individu. Tariq Ramadan (2001) berpendapat bahawa kemodenan pula diasaskan oleh ketidakpercayaan serta memberikan keutamaan kepada diri sendiri (*individualistik*) dan kebebasan (Fox, 2002).

Penulis berpendapat, kedua-dua epistemologi (agama dan sekular) terdapat dalam Rukun Negara yang menjadi ideologi Negara, dan isu ini sangat jarang dibahas dan diwacanakan, sedangkan pertembungan epistemologi agama dan sekularisme ini mengundang perbincangan besar yang merangkumi pertembungan peradaban, yang sewajarnya diberikan ruang yang luas supaya kita dapat memahami apakah aspirasi falsafah sebenar Rukun Negara yang sebenarnya.

KESIMPULAN

Setelah meneliti pertembungan epistemologi antara agama dan moden sekular dalam konteks Rukun Negara, jelas terdapat dua aliran pemikiran yang dominan. Jika perpaduan nasional difahami melalui kerangka moden sekular, Rukun Negara dilihat lebih mengutamakan rasionaliti manusia sebagai panduan utama, dengan penekanan terhadap kebebasan individu, hak asasi manusia, dan prinsip liberalisme. Pendekatan ini, bagaimanapun, sering kali berpotensi bercanggah dengan peranan agama, walaupun Rukun Negara sendiri sarat dengan nilai ketuhanan, ketaatan kepada raja dan negara, pematuhan undang-undang, serta adab dan susila yang mendukung keteraturan sosial.

Sebaliknya, jika Rukun Negara ditafsirkan melalui epistemologi agama, ia membawa maksud susun atur kehidupan yang berlandaskan akidah, prinsip ketuhanan, dan peraturan yang bersumberkan wahyu. Meskipun Islam merupakan agama rasmi Persekutuan, pentadbiran agama di Malaysia tetap terikat kepada kerangka pentadbiran moden sekular, dengan kuasa pentadbiran agama berada di bawah bidang kuasa negeri.

Kesamaran dalam menentukan kerangka epistemologi yang tepat untuk Rukun Negara ini menimbulkan pelbagai persoalan kritikal yang berterusan: Bagaimana mengimbangi kebebasan individu dengan autoriti undang-undang? Bagaimana menyelaraskan konsep kesamarataan dengan meritokrasi? Dan bagaimana mengharmonikan tuntutan modenisasi dengan pemeliharaan tradisi? Persoalan-persoalan ini bukan sahaja mencetuskan konflik, malah turut menghambat usaha mencapai perpaduan nasional yang dihasratkan.

Shamsul (2011) menyatakan bahawa perpaduan pasca-1969 sebahagiannya terbina daripada pengalaman trauma dan ketakutan terhadap konflik kaum dan rasa serik hidup dan terpaksa segera belajar bersabar dan cintakan keamanan. Dalam konteks ini, perpaduan yang terhasil lebih bersifat pragmatik dan reaktif dan daripada kefahaman nilai yang mendalam.

Penulis sangat bersetuju, Rukun Negara terbukti berfungsi sebagai alat perpaduan yang signifikan dalam konteks pasca-1969, khususnya dalam suasana masyarakat yang dibayangi trauma konflik kaum sebagaimana yang dinyatakan oleh Shamsul (2011), namun keberkesanan tersebut tidak menafikan keperluan untuk menganalisisnya secara epistemologi. Hal ini kerana perpaduan yang terbina atas asas pengalaman trauma dan kepentingan kehidupan belum tentu mencerminkan kesepaduan nilai yang mendalam.

Bagi membangunkan intelektual dan pemikiran manusia, salah satu cabang utama falsafah iaitu epistemologi berperanan untuk membangun manusia. Kewujudan konsep ilmu ini mampu meningkatkan dan memperkembangkan minda manusia (Saharia, 2015). Oleh itu, pendekatan epistemologi menjadi penting bagi meneliti sumber, kerangka dan tujuan nilai yang terkandung dalam Rukun Negara, serta untuk mengenal pasti wujud pertembungan antara asas agama dan sekularisme dalam pembinaan identiti masyarakat Malaysia. Tanpa kefahaman ini, perpaduan yang terbentuk berisiko kekal bersifat permukaan dan tidak kukuh dalam jangka panjang.

Tambahan pula, kecenderungan memahami Rukun Negara sekadar sebagai alat perpaduan tanpa analisis epistemologi yang mendalam telah menyebabkan asas nilai yang mendasari perpaduan tersebut tidak benar-benar difahami secara tuntas. Hal ini dapat diperhatikan dalam konteks mutakhir berkaitan isu bangsa, agama dan institusi raja atau 3R (*Race, Religion, Royalty*) memperlihatkan bahawa perpaduan yang terbina tidak sepenuhnya berakar pada kesepaduan nilai yang kukuh, sebaliknya lebih bersifat defensif, dikawal melalui batasan undang-undang dan sensitiviti sosial (Rositah Kambol, 2024).

Keadaan ini menunjukkan bahawa tanpa kefahaman epistemologi yang jelas, perpaduan yang wujud berpotensi menjadi rapuh, bersifat sementara dan mudah terdedah kepada ketegangan apabila berhadapan dengan perubahan sosial, politik dan wacana awam. Justeru itu, analisis epistemologi terhadap Rukun Negara bukan sekadar pilihan akademik, tetapi suatu keperluan bagi memastikan asas perpaduan yang dibina bersifat mendalam, konsisten dan tidak berpunca daripada pertembungan nilai yang tidak disedari.

Sebagai contoh, kerajaan telah membelanjakan jutaan ringgit melakukan penyelidikan bagaimana kita dapat membina perpaduan menerusi Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bagi melaksanakan pelbagai kajian dasar, antaranya penerbitan Laporan Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) yang digunakan untuk menilai dan mengukur tahap keharmonian antara kaum di Malaysia, menunjukkan kita masih mencari formula terbaik membina perpaduan.

Agihan utama perbelanjaan berkaitan perpaduan termasuk: Peningkatan Peruntukan sebanyak RM767.99 juta kepada KPN. Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas): Kajian berskala besar ini membolehkan kementerian memantau 10 elemen utama yang mencakupi etnik, agama, kelas sosial dan pendidikan bagi merangka intervensi sosial yang berkesan. Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN): Dana disalurkan untuk membangun dan memantau pelan jangka panjang seperti Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang bermatlamat mengukuhkan integrasi nasional (Nurhanim Osman, 2025).

Al-Attas (1980) berhujah, terdapat pelbagai takrif yang menghuraikan hakikat ilmu, namun yang menjadi perhatian di sini ialah takrif epistemologinya, kerana pemahaman terhadap konteks epistemologi Islam serta makna dan implikasinya adalah amat mustahak. Justeru, memahami Rukun Negara sekadar sebagai alat perpaduan adalah memadai dari sudut praktikal, tetapi tidak mencukupi dari sudut ilmiah. Analisis epistemologi diperlukan bagi meneliti asas yang membina perpaduan tersebut selari, bertembung atau bersifat hibrid antara kerangka agama dan sekularisme, sekali gus dapat menjawab persoalan pokok: Apakah asas kebenaran yang wajar menjadi teras pegangan Rukun Negara, agama atau sekularisme?

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada ahli Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia, serta mereka yang telah memperkaya perbincangan artikel ini.

RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim.
- Abdul Rahman Embong. 2002. *State-led Modernization and the New Middle Class in Malaysia*. New York: Palgrave.
- Abdul Rahman Abdul Azis. 2005. The State and Modernization Perspective in Malaysia's Development Planning. *Demokrasi* Vol. IV No. 2 Th. 2005
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1993. *Islam And Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1980. *The Concept Of Education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM)

- Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniff & Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir. 2021. Rukun Negara medium keharmonian di Malaysia: tinjauan dalam kalangan para pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)* 8(2):7-31. <https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/170>
- Aziz, A.A. 2002. BN terperangkap dengan deklarasi negara Islam: Salleh Abas (BN trapped itself with Islamic state declaration: Salleh Abas). *Malaysiakini*. Tarikh capaian: 13 November 2024. <https://www.malaysiakini.com/news/12030>
- Azmi Aziz. 2016. Isu-isu agama dan sekularisme dalam ruang sosio-politik di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 12(14): 64-69.
- Azmi Aziz & Shamsul Amri Baharuddin. 2004. The religious, the plural, the secular and the modern: a brief critical survey on Islam in Malaysia. *Inter-Asia Cultural Studies* 5(3), 341–356.
- Badan Peguam Malaysia. 2023. Ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, pada Perasmian Tahun Undang-undang 2023. Tarikh capaian: 31 Disember 2024. <https://www.malaysianbar.org.my/article/news/speeches/speech-by-the-right-honourable-the-chief-justice-of-malaysia-tun-tengku-maimun-binti-tuan-mat-at-the-opening-of-the-legal-year-2023-palce-of-justice-putjaya-9-jan-2023>
- Bauman, Z. 2000. Liquid modernity. Cambridge: Polity Press.
- Bernama. 2024. Syor Rukun Negara sebagai mukadimah Perlembagaan Persekutuan diteliti – Aaron. *Astro Awani*, 6 Mei. Tarikh capaian: 10 Januari 2025. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/syor-rukun-negara-sebagai-mukadimah-perlembagaan-persekutuan-diteliti-aaron-469350>
- Denzin, N.K. & Lincoln, Y.S. 2013. *Collecting and Interpreting Qualitative Materials*. Ed. ke-4. Los Angeles: Sage Publications, Inc.
- Ebrahimi, M., Yusoff, K., & Idris, A. 2024. Unity in diverse society of Malaysia. *Journal of Lifestyle and SDG'S Review* 5(1): 1–19. <https://doi.org/10.47172/2965-730X.SDGsReview.v5.n01.pe03493>
- Encyclopædia Britannica*. 2010. Ed. Ke-15. Chicago: Encyclopædia Britannica, Inc.
- Fawcett, E. 2014. *Liberalism: The Life of an Idea*. New Jersey: Princeton University Press.
- Fox, J. 2002. *Ethnoreligious Conflict In The Late Twentieth Century: A General Theory*. Maryland: Lexington Books.
- Freedman, M. 2015. *Liberalism: A Very Short Introduction*. London: Oxford University.
- Harding, A., & Kumarasingham, H. 2023. The Malay monarchies in constitutional and social conception. *Asian Journal of Law and Society*, 9(3), 399-417. <https://doi.org/10.1017/als.2022.32>
- Hobhouse, L.T. 1964. *Liberalism*. Oxford: Oxford University Press.
- Huntington, S.P. 1996. *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. London: Touchstone Books.
- <https://soscili.my/rusuhan-sebelum-13-mei-hartal/12-Mei-2016>
- Ibrahim Majdi & Mohamad Kamil. 2024. Daripada falsafah liberalisme kepada pascamodenisme: kajian awal peralihan falsafah di Malaysia. *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies* 1(24) : 26-41.
- M.Syukri Ismail. 2015. Kritik terhadap Sekularisme : Pandangan Yusuf Qardhawi. *Kontekstualita: Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan* 29(1): 82-97.
- Khalif Muammar A. Harris. 2018. Islam dan Liberalisme: Antara Masalah dan Mafsadah. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 20(2): 1–52. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol20no2.1>

- Latifah Arifin. 2024. Kempen perang ucapan kebencian perlu merangkumi semua kaum - NGO. *Berita Harian*, 7 April. Tarikh capaian: 13 November 2024. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/kempen-perangi-ucapan-kebencian-perlu-merangkumi-semua-kaum-ngo>
- Lina Mastura Jusoh & Zaleha Embong. 2021. Cabaran memperkukuh kesepaduan sosial dalam masyarakat *superdiversity* di Malaysia. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 1 09-120. <http://insaniah.umk.edu.my/journal/index.php/insaniah/article/view/197>
- Majlis Gerakan Negara. 1969. The May 13 tragedy: A report of the National Operations Council. Kuala Lumpur: Government of Malaysia.
- Mohamad Hilmi Mat Said. & Ahmad Muhaimin Mohamad. 2022. Kesedaran penghayatan rukun negara asas keutuhan keluarga Malaysia menurut perspektif Islam. *Proceeding International Seminar on Islamic Education and Peace 2*: 126–132.
- Mohamed Ali Haniffa, Ayu Nor Azilah Mohamad & Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir. 2021. Rukun Negara sebagai medium pembinaan bangsa : penelitian awal terhadap mahasiswa dan mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi (IPT). *Proceeding of 8th International Research Management and Innovation Conference(8th IRMIC 2021)* 14–23.
- Mohd Erfino Joharin & Norhisham Muhamad. 2022. Kepentingan elemen patriotisme dalam pendidikan islam sekolah menengah. *Firdaus Journal* 2(1):1 -14.
- Mohd Khairil Fitri Diman & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. 2024. Perbandingan pemikiran pasca islamisme dalam Parti Islam se-Malaysia (PAS) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(4): 164–177.
- Mohd Sobhi Ishak, & Azizah Sarkowi. 2021. Kesedaran rakyat Malaysia mengenai Rukun Negara hanya bermusim?: kajian infodemiologi berasaskan google trends. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(11): 15–25.
- Muhamad Zuhaili Saiman. 2023. Perpaduan Nasional berteraskan Melayu-Islam di Negara Malaysia : sorotan kajian. *Journal of Revealed Knowledge (Rabbanica)* 4(2): 201–216.
- Muhammad Ikram Abdul Latiff & Noornajihan Jaafar. 2024. Institusi tahfiz di Malaysia: proses perkembangan dan cabaran. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari* 7(2), 54–63.
- Muhammad Syazwan Irfan Samsudin, Rozaimi Abdul Talib, Fauzi Al Insan Mohamed, Khairul Akmal Mohd Radzi & Nur Syahirah Nor Hidayah. 2024. Peranan Institusi Raja dalam menjamin keharmonian agama dan kaum di Malaysia. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)* 6(2), 2024.
- Nazir Razak. 2021. *What's in a Name: Family, career and the heart of Malaysia*. Kuala Lumpur: Whitefox Publishing.
- Nik Khusairie Jaafar. 2024. Masyarakat madani atau masyarakat sivil: sebuah wacana epistemologi. Tesis Ijazah Sarjana. Program Sains Pembangunan, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norazlina Abdul Aziz , Mazlina Mohamad Mangsor, & Miti Fateema Sherzeella Mohd Yusoff. 2024. The Malaysian monarchy system: a review of the literature.
- R. Abdul Rahman et al. 2023. (pnyt.) *Proceedings of the 12th UUM International Legal Conference (UUMILC 2023)*, Atlantis Highlights in Social Sciences, Education and Humanities 15, https://doi.org/10.2991/978-94-6463-352-8_22

- Nor Azizah Mokhtar. 2024. Ucapan berbaur hasutan, polis Perlis rakam keterangan peguam. *Berita Harian*, 22 Julai. Tarikh capaian: 12 November 2024. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/07/1274988/ucapan-berbaur-hasutan-polis-perlis-rakam-keterangan-peguam>
- Noraini Tahir. 2020. Rukun Negara wadah bentuk masyarakat berpandangan jauh. *Berita Harian*, 29 Ogos. Tarikh Capaian: 10 Januari 2025. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/08/725822/rukun-negara-wadah-bentukmasyarakat-berpandangan-jauh>
- Noor‘Ashikin Hamid, Hussain Yusri Zawawi, Mahamad Naser Disa & Ahmad Zafray Mohamad Tahir. 2021. Rukun Negara as a preamble to Malaysian constitution. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities* 29(2): 29-42. <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.S2.03>
- Norfiza Apfandi, Nurul Hafizah Maarof, Nor Syamilah Md Zin, Nurul Suzaina Joli, Wan Rezawana Wan Daud & Rorlinda Yusof. 2022. Kajian kefahaman interpretasi jati diri dalam perlembagaan persekutuan. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)* 4(2): 288-300.
- Norhafiza Mohd Hed, Mohd Aidil Azrel Zaabar, Nurul Firdauz Abd Rahman & Nur Azean Abd Rahim. 2024. Pemahaman belia Malaysia terhadap kepentingan dan peranan institusi raja-raja melayu: kajian tinjauan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). *Akademika* 94(2): 298-312.
- Nur Farhana Abdul Rahman, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Jaffary Awang, Zul'Azmi Yaakob & Nur Solehah Shapiee. 2020. Memahami agama lain asas toleransi beragama: tujuan dan syarat dari perspektif pemimpin agama di Malaysia. *Akademika* 90(2), 2020: 165-179.
- Nuriman Osman.2025. Belanjawan 2026: Peruntukan KPN meningkat selari hala tuju perkukuh Perpaduan Nasional. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1457241/belanjawan-2026-peruntukan-kpn-meningkat-selari-hala-tuju-perkukuh>
- Nurul Huda Afiqah Zambri, Yap Cai Fong, Nur Syazana Shamsuri, Nurul Izzah Emran, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff. 2024. Keharmonian Negara Malaysia melalui Rukun Negara: tinjauan terhadap mahasiswa Politeknik Ungku Omar. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial* 10(1): 11–21.
- Omar Sarif Bin Omal Lamin, Syahirah Binti Suhaime & Nurfaizah Abbdullah. 2023. Public awareness of the constitutional monarchy among society in Kota Kinabalu, Sabah. *Borneo Akademika* 7(2): 98–105.
- Osman Bakar. 1997. Agama dan budaya teras masyarakat Madani. *Journal of Usuluddin* 5: 1–10.
- Patton, M.Q. 2014. *Qualitative Research Introduction & Evaluation Methods*. Ed. Ke-4. Los Angeles: Sage Publications, Inc.
- Preston, P.W. 1996. *Development Theory an Introduction*. Oxford: Blackwell Publishers Ltd.
- Riki Rahman, Maifuza Abdul Malik & Nor Shela Saleh. 2023. Kesepaduan masyarakat majmuk di Malaysia : antara harapan dan realiti. *Human Sustainability Procedia* 3(1): 1–11.
- Rosfazira Abd Rashid. 2024. Perkembangan pendidikan di Malaysia selepas 1969. *MUNSYI Jurnal Pengajian Sejarah* 2(2): (60-76).

- Rositah Kambol. 2023. Menangani Isu – Isu Sensitif Berkaitan, Agama, Bangsa Dan Institusi Raja (3r) Dalam Politik Melalui Pendekatan Undang-Undang: Suatu Penilaian Semula. *Journal of Law & Governance*. Volume 6 (No. 1) 2023: 86-104.
- Safa Amalia, Umniati Rofifah, dan Anis Fuadah Zuhri. 2020. Menampilkan sikap cinta tanah air pada Era 4.0. *Jurnal Ilmiah Edukatif* 6(1): 68–75.
- Saharia Hj. Ismail. 2015. Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development worlds*. Vol. 8 No. 2
- Scott, J. & Marshall, G. 2009. *Oxford Dictionary of Sociology*. Ed. ke-3. Oxford: Oxford University Press.
- Shamsul Amri Baharuddin. 1996. 'Nations-of-Intent in Malaysia' in *Asian Forms of the Nation*. Stein Tonnesson & Han Antlov (pnyt.) London: Curzon.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2005. Islam Embedded: religion and plurality in Southeast Asia as a mirror for Europe. *Asia Europe Journal* (2005) 3: 159–178.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2011. *Kesepaduan dalam Kepelbagaian: Perpaduan di Malaysia sebagai Work-In-Progress*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Nor Zakiah Saidi, Mohamed Ali Haniffa, Nor Azlah Sham Rambely, Nurhijrah Zakaria, Mohd Mahzan Awang & Ayu Nor Azilah Mohamad. 2024. Pelestarian Rukun Negara: tinjauan awal dalam kalangan para pelajar sekolah menengah di negeri Sabah dan Sarawak. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)* 11(1), 1-12.
<https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/289>
- Suraya Ali. 2024. Isu babitkan 3R meningkat 123 peratus - Aaron. *Berita Harian*, 6 April. Tarikh capaian: 3 Disember 2024.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1232351/isu-babitkan-3r-meningkat-123-peratus-aaron>
- Supreme Court of Malaysia. 1988. Che Omar bin Che Soh v. Public Prosecutor. 2 MLJ 55
- Tariq Ramadan. 2001. *Islam, the West and the Challenges of Modernity*. Nairobi: The Islamic Foundation.
- Tew, Y. 2023. The Oxford handbook of constitutional law in Asia. law, D.S et al. (pnyt).
<https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780198825463.013.9>
- Umavathi Ramayah. 2020. Pendidikan Rukun Negara dicadang diserap dalam kurikulum sekolah – Menteri. *Astro Awani*, 28 Ogos. Tarikh capaian: 10 Januari 2025.
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pendidikan-rukun-negara-dicadang-diserap-dalam-kurikulum-sekolah-menteri-257156>
- Wan Husain, W. A. F., Che Ngah, A., & Omar Din, M. A. (2017). Islam agama bagi Persekutuan: Satu kajian sejarah perundangan. *Akademika*, 87(3), 179–196.
- Wan Jalil bin Wan Abdul Rahman .(1988). Che Omar bin Che Soh v. Public Prosecutor [1988] 2 MLJ 55 (Supreme Court of Malaysia).
- Yegar, M. 1979. *Islam and Islamic Institutions In British Malaya*. Jerusalem: The Magnes Press, The Hebrew University.

PENULIS:

KHARUNNA'IM RAMLI

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaran (Seeds)

Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: naimramli5385@gmail.com

AZMI AZIZ (Pengarang koresponden)

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaran (Seeds)

Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: abaz@ukm.edu.my

ARENA CHE KASIM

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra)

Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: arena@ukm.edu.my